

Analisis Undang-Undang dalam Membasmi Isu Halal

Regulating Laws in Eradicating Halal Issues

Anis Husna

Universiti Teknologi Mara (UiTM)
anisshusna@gmail.com

Khairul Effendi Hashim

Universiti Teknologi Mara (UiTM)
khairuleffendihashim@gmail.com

Amira Rashada Affendi

Universiti Teknologi Mara (UiTM)
amira.rashada96@gmail.com

Kata Kunci:

Akta Halal; Isu Halal; Undang-undang halal

ABSTRAK

Industri halal merupakan industri yang paling berkembang pesat di seluruh dunia termasuk negara muslim dan bukan muslim. Pengguna telah memilih produk halal sebagai produk utama mereka untuk digunakan dalam kehidupan harian kerana ia membawa manfaat yang besar untuk kehidupan mereka. Walaupun industri halal berkembang dengan pesat, akan tetapi terdapat pelbagai isu halal yang dilakukan oleh pemain industri halal sehingga memberi kesan kepada pasaran halal. Bagi menangani isu halal yang berlaku di pasaran, terdapat undang-undang yang berkaitan dengan halal di Malaysia bertindak sebagai mekanisme untuk melindungi pengguna dan memastikan semua aktiviti halal dijalankan mengikut piawaian. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji undang-undang yang berkaitan dengan halal dalam menyelesaikan isu halal seperti persembahan halal, logo halal dan isu kebersihan premis. Dengan menggunakan kaedah penyelidikan dengan mengkaji akta, kajian ini adalah khusus dalam menganalisis peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan halal. Pengkaji juga membincangkan isu-isu halal yang tertakluk dibawah tiga akta berkaitan iaitu Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Makanan 1983 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Daripada akta yang berkaitan, penyelidik menganalisa isu halal yang dilaporkan di dalam berita bagi mengenalpasti kesalahan yang dilakukan oleh pemain industri semasa dalam pasaran halal. Kajian ini berharap dapat memberikan informasi dan kefahaman yang penting atas pelaksanaan undang-undang dalam menyelesaikan isu halal bagi memastikan isu tersebut dapat dibasmi secara berkesan.

Keywords:

Halal Act; Halal
Issues; Halal Law

ABSTRACT

The halal industry is the fastest growing industry in the world including muslim and non-muslim countries. Consumers have chosen halal products as their main products to use in their daily lives because they bring great benefits to their lives. Although the halal industry is growing rapidly, there are things that arise in the halal market because it can have a negative impact on the halal industry. In order to eradicate halal issues that occur in the market, Malaysia has developed related halal laws as a mechanism to protect consumers and ensure that all halal activities are carried out in accordance with acts, laws, regulations, and standards. The objective of this study is to examine the implementation of halal law in combating halal issues such as halal presentation, halal logos and premises cleanliness. Through the method of legal study, this paper analyzes the relevant legal provisions governing all matters related to halal. The researcher studies the halal issues that are subject to three related acts namely Trade, Food Act 1983, Food Hygiene Regulations 2009. By analyzing issues based on reported news cases, implementation and offenses under halal can be identified to enable industry players well aware on the things that are allowed and prohibited action while building the halal brand in the market. This study is expected to be able to provide an understanding of the law that is the solution to solve the halal issues that still exist in the halal market, including the issue of halal presentation, halal logos and cleanliness of the premises.

Received: November 20, 2022

Accepted: March 10, 2023

Online Published: June 27, 2023

PENGENALAN

Industri halal pada masa kini telah menjadi industri yang paling pesat berkembang di seluruh dunia kerana populasi umat Islam yang pesat berkembang di seluruh dunia (Mohd & Salwa, 2014). Pasaran industri halal yang luas telah mendapat minat dan perhatian dalam kalangan Muslim dan bukan Muslim. Organisasi atau individu bukan Islam menyedari potensi pertumbuhan pasaran halal dan mampu memimpin sektor itu di peringkat antarabangsa (Ab & Mohd, 2020). Trend dalam kalangan pengguna dalam memilih halal sebagai produk utama kerana ia membawa manfaat yang besar dalam gaya hidup mereka. Di sebalik pertumbuhan industri halal yang berterusan adalah kerana ia nyata dapat memberikan kesan negatif terhadap industri halal. Isu halal melibatkan isu keselamatan, kualiti, penyampaian yang salah dan maklumat palsu kepada pengguna (Damit et al., 2017). Pengguna berhadapan dengan isu kritikal utama kerana terdedah kepada eksploitasi yang boleh menjejaskan bukan sahaja akidah mereka (untuk pengguna Islam) tetapi juga dengan isu kesihatan akibat pengamalan yang salah dalam mengendalikan aktiviti halal di kalangan pihak berkepentingan.

Maka Malaysia telah mewujudkan undang-undang halal sebagai mekanisma untuk melindungi pengguna dan mengawal aktiviti halal dalam pasaran. Ini kerana bagi memastikan semua

proses, pengendalian, pengedaran, pembekalan dijalankan mengikut adab dengan mengikut akta, undang-undang, peraturan dan piawaian halal. Pentadbiran undang-undang di Malaysia adalah selaras dengan metodologi undang-undang mengikut prinsip halal. Undang-undang yang berkaitan dengan halal di Malaysia adalah termasuk Akta Perihal Dagangan 2011 Akta Makanan 1983, Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Kerajaan Tempatan 197, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Kastam 1967. Penguatkuasaan undang-undang halal dijalankan oleh pihak berkuasa Halal termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (MDTCC). Pihak berkuasa halal mempunyai kuasa yang berbeza-beza dalam menentukan tindakan di bawah undang-undang semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap organisasi atau individu yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan halal. (Wong & Halim, 2022). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan undang-undang halal dalam menangani isu halal termasuk isu yang berkaitan persembahan halal, logo halal dan kebersihan premis. Memahami pelaksanaan undang-undang halal ini sangat penting untuk pengguna dan industri kerana dapat mengetahui perkara-perkara penting tentang kesalahan yang dikenakan di bawah akta. Pengguna dan industri perlu menyedari dan mengetahui perkara ini supaya mereka patuh dengan perundangan halal.

PERNYATAAN MASALAH

Terdapat banyak syarikat yang kini menyasarkan produk mereka kepada pengguna Islam dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Malangnya ketidaktahuan, kekeliruan dan kurang pemahaman mengenai keperluan halal menyebabkan pemain industri halal gagal memenuhi spesifikasi halal (Ismail et al., 2018). Senario ini terdapat sebilangan premis makanan yang tidak lekang dengan isu pengiklanan, penyalahgunaan halal serta pemalsuan yang digunakan sebagai strategi malariskan jualan produk dan barangan (Nursyakirah, 2023). Justeru itu, situasi ini menunjukkan ketidakprihatinan pemain industri yang tidak bertanggungjawab dengan menyentuh sensitiviti sebilangan kaum terutama umat Islam dengan bermain dengan isu halal haram bagi kepentingan diri sendiri semata. Maka dengan perkara ini, undang-undang halal dianggap perkara yang sangat penting dan patut dibincangkan bagi membasmi isu halal. Perkara ini dapat memastikan produk halal yang dihasilkan adalah pastinya halal dan dijamin selama untuk masyarakat (Husna, 2020).

SOROTAN LITERATUR

Mencari makanan yang halal merupakan sesuatu kefarduan dan kewajipan bagi setiap muslim. Tanggungjawab umat Islam harus mengikut norma dan nilai sebagaimana yang telah ditetapkan oleh al-Quran berdasarkan surah al-Baqarah ayat 168:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Dalam al-Quran, perkataan halal menekankan kepada makna halal, dibenarkan, mubah. Istilah halal dikaitkan terutamanya dengan undang-undang dan perkhidmatan pemakanan Islam untuk memastikan mematuhi kehendak Syariah kerana ia pasti membawa manfaat kepada manusia. Manakala bagi definisi halal pula dijelaskan oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) iaitu perkara yang dibenarkan dalam Islam mengikut undang-undang dan Fatwa Syariah (MPPHM, 2020).

Perkembangan industri halal yang menunjukkan pertumbuhan positif menjadikan konsep halal tidak asing lagi kerana banyak industri mengamalkan halal dalam elemen produk mereka untuk memenuhi majoriti penduduk yang beragama Islam. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Malaysia sebagai negara dengan majoriti penduduk Islam yang terdiri daripada 60% berbanding agama lain, telah mewujudkan banyak peluang dalam pasaran halal untuk syarikat itu mengembangkan produk mereka sebagai jenama halal. Menurut Laporan Ekonomi Islam Global 2023, Malaysia sentiasa kekal di kedudukan empat teratas dalam Islam Global dan mencapai keputusan paling cemerlang untuk tahun ini apabila negara mencapai nombor 1 teratas dalam semua kedudukan keseluruhan GIEI yang mendahului dalam kategori Kewangan Islam, Makanan Halal, Perjalanan dan Rekreasi dan Media.

Pasaran Halal di Malaysia sememangnya menjadi keutamaan industri untuk mencipta dan mewujudkan produk halal di pasaran. Bukan sahaja pengeluar muslim mencipta produk halal, pengeluar bukan Islam juga melakukan perkara yang sama seperti untuk meningkatkan sasaran pengguna mereka termasuk pengguna Islam. Pada 2018, pasaran halal di Malaysia mencapai USD 68.4 bilion dan dijangka mencecah USD 113.2 bilion menjelang 2023 (HDC, 2020). Jumlah peningkatan yang dijangkakan dalam pasaran halal adalah bukti bahawa Malaysia mempunyai ekosistem halal yang lengkap menunjukkan produk atau perkhidmatan halal memberi sumbangan kepada pembangunan sosio-ekonomi Malaysia secara keseluruhan. Malaysia mewujudkan peluang kepada industri halal dengan diperluaskan kepada 7 sektor kepada 9 sektor termasuk makanan dan minuman, kosmetik, farmaseutikal, barangan pengguna, premis makanan/hotel, pusat penyembelihan, logistik dan tambahan 2 sektor yang baru-baru ini ditambah untuk pensijilan halal ialah Pengeluar Peralatan Asal (OEM) dan peranti perubatan. Jadual di bawah menunjukkan jumlah syarikat yang berjaya membangunkan produk mereka sebagai jenama halal dengan mendapat pensijilan halal:

Jadual 1: Jumlah Syarikat Diiktiraf Halal di Malaysia

Sektor	Syarikat Diiktiraf Halal
Produk Makanan atau Minuman	5,524
Premis Makanan	2,208
Pengilangan Kontrak	1,244
Barang Gunaan	2,69
Farmaseutikal	2,62
Kosmetik dan Dandanan Diri	477

Logistik	93
Peranti Perubatan	11
Sembelihan	148
Jumlah Syarikat Diiktiraf Halal	10,236

Sumber: Portal Rasmi Halal Malaysia (JAKIM), (2023)

Berdasarkan jadual di atas, jumlah syarikat yang disahkan mendapat perakuan halal adalah sebanyak 10,236 syarikat yang merangkumi 9 sektor termasuk industri produk makanan dan minuman, premis makanan, pengilangan kontrak, barang gunaan, farmaseutikal, kosmetik dan dandanan diri, hotel, logistik dan peranti perubatan. Jumlah syarikat tertinggi yang disahkan adalah daripada sektor produk makanan dan minuman iaitu sebanyak 5,524 syarikat dan diikuti dengan premis makanan iaitu 2,208. Produk makanan dan minum halal serta premis makanan mendapat jumlah tertinggi yang disahkan halal adalah disebabkan pengguna mengambil berat terhadap perkara yang dibolehkan untuk mereka makan (halal) dan perkara yang tidak dibolehkan untuk makanan (haram) kerana makanan adalah perkara paling penting dalam kehidupan manusia dan halal menjanjikan sesuatu produk itu adalah baik, selamat, bersih dan berkualiti (Nurrachmi, 2017). Manakala syarikat yang mendapat yang paling rendah daripada jumlah syarikat yang disahkan halal adalah peranti perubatan iaitu sebanyak 11 syarikat. Hal ini kerana, peranti perubatan untuk permohonan halal baru-baru ini dibuka pada April 2022 (JAKIM, 2022). Peranti perubatan halal adalah penting untuk disahkan halal bagi memastikan sebarang instrumen, radas yang dimaksudkan untuk tujuan perubatan yang mengandungi bahan atau komponen yang dibenarkan yang dibenarkan oleh undang-undang syariah. Menurut Akta Perihal Dagangan 2011, pensijilan halal di Malaysia hanya boleh dikeluarkan oleh JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Justeru, mana-mana individu atau syarikat yang menipu dalam menyamar produk mereka sebagai jenama halal boleh digubal di bawah akta ini.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menggunakan analisis kandungan terhadap dokumen-dokumen utama yang terdiri daripada akta-akta dan juga dokumen sokongan seperti jurnal artikel dan juga laporan akhbar. Pengkaji menggunakan kaedah analisis undang-undang dan akta yang berkaitan dengan halal dalam mengawal dan menjaga aktiviti industri halal di Malaysia. Kajian ini memberikan tumpuan khusus yang mendalam berkenaan dengan perundangan halal dengan memilih tiga akta yang berkaitan iaitu Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Makanan 1983 dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dalam menangani isu halal. Penyelidik meneliti dan menilai undang-undang halal Malaysia dengan menganalisis seksyen bahagian dan seksyen yang berkaitan atas kesalahan dan hukuman bagi individu atau pihak berkepentingan yang melanggar peraturan halal. Selain itu, pengkaji menggunakan dokumen sokongan daripada jurnal artikel, prosiding persidangan untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi melengkapi data kajian sebelum membuat rumusan dan dapatan kajian. Perbincangan berkaitan dengan isu halal ini akan dibincangkan dengan memetik laporan akhbar yang berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan oleh industri yang melakukan aktiviti yang telah melanggar akta yang akan memberi kesan negatif kepada industri halal.

DAPATAN KAJIAN

Undang-undang yang berkaitan dengan halal di Malaysia adalah dikuatkuasakan oleh badan authoriti bagi memantau dan mengawal aktiviti halal untuk memastikan dapat menangani isu halal seperti penyalah nyata dalam persembahan halal, penggunaan logo halal palsu dan tidak menjaga aspek kebersihan premis. Berdasarkan data yang diperoleh daripada pelbagai sumber, pengkaji membincangkan tentang pelaksanaan undang-undang halal dan meneliti isu-isu dalam pengurusan halal di Malaysia.

Undang-undang Halal di Malaysia

Di Malaysia terdapat pelbagai agensi yang terlibat dalam mengawal aktiviti halal seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP). Agensi-agensi ini bertanggungjawab dalam pelbagai aspek bidang halal termasuk dalam memastikan aktiviti halal daripada peringkat awal iaitu daripada segi bahan mentah sehingga rantai bekalan dengan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan halal. Berikut adalah merupakan perbincangan terperinci mengenai beberapa akta di bawah undang-undang halal yang berkaitan aktiviti halal di pasaran:

Akta Perihal Dagangan 2011

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dilantik oleh kerajaan sebagai pihak berkuasa berwibawa yang bertanggungjawab untuk membuat perakuan halal melalui logo dan sijil halal. JAKIM diwujudkan bagi memastikan pentadbiran pensijilan halal Malaysia ini dapat dikawal bagi memastikan pemain industri halal dapat memenuhi keperluan halal mengikut undang-undang Syariah (Asa, 2019). Sijil halal atau logo halal Malaysia yang sah adalah hanya boleh dikeluarkan oleh JAKIM dan diberi kuasa untuk menggunakan kuasa di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 sekiranya didapati bahawa terdapat penyalahgunaan sijil atau logo halal yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Tujuan Akta Perihal Dagangan diperkenalkan kerana untuk melindungi logo atau pensijilan halal bagi mengelakkan penyalahgunaan logo halal wujud di pasaran. Akta Perihal Dagangan 2011 terbahagi kepada dua jenis iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal).

i. Perintah Perihal Dagangan (Takrif halal) 2011

Takrif halal di bawah akta ini adalah apabila suatu makanan atau barangan yang menyifatkan dan menunjukkan produk tersebut boleh dimakan oleh orang Islam. Ungkapan yang digunakan bermaksud produk telah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh syarak yang bermaksud makanan atau produk tersebut adalah tidak termasuk bahagian yang dilarang oleh syarak untuk dimakan oleh orang Islam mahupun yang belum disembelih mengikut hukum syarak, tidak mengandungi sesuatu yang najis mengikut syariah, tidak beracun dan beracun kepada kesihatan, tidak diproses menggunakan bahan tercemar dengan benda najis pada alat mengikut produk yang gagal memenuhi keperluan yang dinyatakan di atas. Perlu diingatkan bahawa keperluan bukan sahaja meliputi produk, tetapi juga pengangkutan, penyimpanan, proses, pengilangan dan penyajian dalam aktiviti halal.

ii. Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Bagi perakuan dan penandaan halal di bawah perintah perihal dagangan ini adalah segala pensijilan dan pelabelan halal adalah hanya boleh ditetapkan khusus oleh kerajaan bahawa hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri-negeri seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai pihak berkuasa yang berwajib boleh mengesahkan makanan, produk dan perkhidmatan adalah halal (Asa, 2018). Peruntukan ini menunjukkan makanan, produk, perkhidmatan tidak boleh disifatkan sebagai halal melainkan ia diperakui oleh JAKIM/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Akibatnya, hanya apabila pensijilan disahkan, pensijilan halal tertentu akan diberikan kepada pemegang Sijil Halal.

Akta Makanan 1983

Akta Makanan adalah bertindak untuk tujuan menggubal undang-undang untuk melindungi orang ramai bagi memastikan makanan, minuman atau produk tidak mengandungi sebagai pengendalian berbahaya atau tidak selamat dalam pemprosesan makanan, pengilangan, pengedaran dan lain-lain aktiviti berkaitan. Ia juga dianggap sebagai induk kerana menjadi perkara penting utama dalam kesihatan makanan di Malaysia. Pemerkasaan Akta Makanan 1983 oleh Kementerian Kesihatan (KKM) adalah untuk memantau, menyemak, pemeriksaan berkaitan pembungkusan makanan, pelabelan, sanitasi, keselamatan makanan demi kegunaan manusia. Pemantauan yang konsisten menjadi kebimbangan terhadap kesihatan awam dan akta ini memainkan peranan sebagai nilai tambah bagi memastikan amalan baik dalam pembuatan makanan dan produk. Justeru, segala yang berkaitan dengan undang-undang dan peraturan makanan yang diperkasakan oleh KKM, semua pengilangan makanan di Malaysia mesti memenuhi garis panduan dan keperluan yang ditetapkan dalam Akta Makanan 1983. Walaupun Akta Makanan 1983 tidak menyebut secara khusus tentang halal, namun ia dianggap sebagai sebahagian daripada halal kerana halal adalah menyeluruh dan merangkumi aspek halalan toyyiban iaitu melibatkan kebersihan, kesihatan, keselamatan produk dan servis.

Akta Makanan 1983 melalui Seksyen 2 menyatakan bahawa berkenaan dengan tafsiran makanan, premis makanan dan label pada jenama, serta tanda yang digunakan untuk produk makanan yang berkaitan dengan halal seperti tafsiran makanan pada label. Tafsiran ‘makanan’ dalam Akta Makanan 1983 ialah setiap yang diproses, dikeluarkan, dijual atau diwakili untuk kegunaan manusia sebagai makanan atau minuman yang termasuk atau digunakan untuk pembuatan makanan. Premis yang digunakan untuk sambungan dalam penyediaan, pembuatan, penyimpanan, pengedaran, pembungkusan atau penjualan makanan, pelabelan semula, pemprosesan semula mana-mana makanan yang juga dikenali sebagai definisi premis makanan di bawah Akta Makanan 1983. Manakala, pengertian label yang telah diterangkan dalam Akta Makanan 1983 dikenali sebagai apa-apa sahaja termasuk tag, jenama, tanda atau, bertulis, dicat, dilampirkan dalam pembungkusan dan disertakan dalam makanan.

Di bawah Seksyen 15 memperuntukan berkenaan dengan pelabelan yang tidak mematuhi piawaian makanan di bawah Akta Makanan 1983. Satu piawaian telah ditetapkan bagi mana-mana orang yang menyediakan, membungkus atau melabel makanan tidak mematuhi piawaian itu dengan cara sedemikian akan melakukan kesalahan pemenjaraan tidak melebihi 3 tahun

atau denda atau kedua-duanya kerana tersilap sebagai makanan mengikut piawaian yang ditetapkan. Manakala Seksyen 16 menetapkan tentang pelabelan palsu adalah dilarang ke atas aktiviti pemprosesan makanan yang berkaitan yang terdiri daripada penipuan, penyalahgunaan, mengelirukan tentang kualiti, keselamatan, ciri-ciri pelabelan yang berkaitan dengan makanan. Dalam bahagian di atas, kesalahan dibuat oleh orang yang menyediakan, membungkus, melabel atau menjual apa-apa makanan yang dilabel dengan label atau logo halal yang diiktiraf atau tidak diiktiraf yang palsu, mengelirukan dari segi sifat, nilai, kesucian halal. Jika sesiapa melanggar mana-mana peraturan yang dibuat dan boleh disabitkan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda atau kedua-duanya. Sebagai contoh, jika terdapat bahan haram seperti lemak babi dalam pelabelan makanan, ia boleh menyebabkan kekeliruan pengguna dan orang atau syarikat yang berkaitan dengan kesalahan ini, boleh didakwa di bawah seksyen 16 Akta Makanan 1983.

Peraturan Kebersihan Makanan 2009

Amalan kebersihan merupakan suatu perkara yang penting dalam aspek keselamatan makanan dengan memberi tumpuan kepada beberapa perkara seperti proses makanan, sumber air, permukaan sentuhan, alam sekitar dianggap sebagai amalan yang sesuai untuk manfaat semua. Peraturan Kebersihan Makanan 2009 ditetapkan berkaitan kebersihan makanan dalam pembuatan, penyediaan, pengedaran, premis makanan, pembungkusan, pelabelan, pengangkutan atau penjualan makanan atau produk makanan. Peraturan yang dikenakan adalah serupa dengan konsep halalan toyyiban yang ditetapkan oleh undang-undang syariah. Persamaan konsep halalan toyyiban kerana melibatkan aspek kebersihan dan kesihatan, termasuk premis penyediaan dan pemprosesan makanan. Peraturan kebersihan makanan adalah penting untuk memastikan keselamatan makanan dan penting untuk amalan pengendali makanan apa yang mereka pelajari mengikut peraturan ini.

Peraturan Kebersihan Makanan 2009 ini menekankan tentang aspek kebersihan diri oleh pengendali makanan yang terlibat di dalam aktiviti pembuatan, pemprosesan, pengedaran di bawah Seksyen 35 dengan mencuci tangan sebelum memulakan pekerjaan, tidak terlibat dalam sebarang tingkah laku atau tindakan yang boleh membawa kepada pencemaran kilang, serta tidak memakai sebarang aksesori dan barang kemas. Seksyen 36 membincangkan tentang penyediaan, pembungkusan dan penyajian oleh pengendali makanan hendaklah bebas daripada segala pencemaran dengan memastikan bahawa bahan tersebut di simpan di bawah penyimpanan yang sesuai, tidak menggunakan pembungkusan yang toksik atau tidak sesuai.

Isu Halal

Orang ramai mula melihat sebagai keselamatan makanan dan jaminan kualiti terutamanya kerana perubahan gaya hidup, kepercayaan dan nilai pemakanan. Dalam beberapa dekad yang lalu, konsep halal yang difikirkan muslim hanya terhad dalam makanan, namun ia juga termasuk proses penghantaran, pelabelan, pembungkusan, pembuatan dan kawalan. Dengan kata lain, makanan tersebut mestilah dikendalikan atau dikilang dengan betul, dan kesan ketidak patuhan boleh menyebabkan sesuatu produk itu dianggap sebagai tidak halal.

Persembahan Halal

Persembahan halal ialah imej Islam mengikut ciri, bentuk, konsep yang dipaparkan. Terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menjadikan persembahan halal sebagai sumber mereka untuk mengaut keuntungan. Laporan berita oleh *News Strait Times* pada Januari 2019 menyebut restoran itu ditemui paparan ayat al-Quran dan mesej dalam tulisan Jawi. Syarikat ini telah beroperasi selama 10 tahun dengan menggunakan imej Islam dan produknya adalah halal walaupun hakikatnya adalah bercanggah dengan amalan halal. Penyampaian ayat al-Quran dan tulisan Jawi di restoran itu menimbulkan kekeliruan kepada pengguna kerana menganggap ia halal kerana jenama Islam berasaskan ayat al-Quran dan huruf jawi. Lebih memmeranjatkan, restoran tersebut telah menggunakan bahan mentah seperti kambing yang tidak disahkan halal (*News Strait Times*, 2019).

Anggota penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) telah melakukan pemeriksaan secara mengejut. Pemeriksaan secara mengejut itu dilakukan dengan melakukan pemeriksaan mengejut. Pemeriksaan secara mengejut itu dilakukan adalah disebabkan aduan yang tular di media sosial yang cuba untuk menipu pengguna dengan mempromosikan restoran itu adalah pemilik muslim. Pegawai agama tersebut telah mengarahkan pemilik restoran untuk tidak boleh menggunakan ayat al-Quran dan huruf jawi di papan tanda restoran mereka. Timbalan Pengarah (Operasi) JAIS Salwana Ahmad Dahlan berkata status halal makanan mereka adalah diragui kerana didapati bahawa hampir keseluruhan pekerja di restoran itu adalah bukan Islam. JAIN mengarahkan pemilik restoran tersebut hadir ke pejabat untuk merekodkan kenyataan dan penjelasan mereka (*News Strait Times*, 2019).

Bagi kesalahan ini, ia tertakluk di bawah Seksyen 28(1) sesiapa yang melanggar akta ini dengan menggunakan ungkapan halal dan ditanggung halal yang mempunyai makna yang boleh mengelirukan kepada pengguna muslim. Perkara ini menjadi satu kesalahan bagi melindungi masyarakat daripada aktiviti yang mengelirukan dan mengalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melakukan aktiviti secara telus. Sekiranya melanggar akta di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) individu tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 1,000,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun. Akta ini bertujuan bagi melindungi masyarakat daripada mereka ditipu dengan penyampaian produk yang menyerupai halal tanpa mengetahui status halal tersebut. Pengguna juga harus mengambil perhatian dan meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman mereka supaya mereka tidak tertipu. Jika pengguna mendapati sesuatu yang mencurigakan, lebih baik tinggalkan keraguan dengan tidak memakan perkara yang meragukan status halal barang tersebut.

Logo Halal

Logo halal di Malaysia hanya boleh dikeluarkan oleh kerajaan iaitu JAKIM, JAIN atau MAIN, tidak seperti di negara lain yang pensijilannya dibenarkan oleh badan bukan kerajaan atau organisasi islam. Terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menggunakan pensijilan halal yang tidak sah menjadi ancaman dan cabaran utama bagi kerajaan untuk memantau industri halal.

Pada Februari 2022, berita Utusan Malaysia melaporkan sebuah premis yang melakukan pembuatan mi kuning dan kuetiau di Taman Industri Ringan diserbu oleh pihak berkuasa kerana disyaki menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tanpa kebenaran. Pensijilan halal bagi produk yang dikeluarkan premis itu didapati telah tamat tempoh pada tahun 2016. Penemuan atas kesalahan yang dilakukan itu dikuatkuasakan oleh lima pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan bersama empat pegawai dari Jabatan Halal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Pengarah KPDNHEP negeri, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, tindakan itu dilakukan hasil pemantauan pihak KPNDHEP dan penguatkuasa JHEAINS yang telah dijalankan selama seminggu. Pemilik premis itu didapati menggunakan logo halal JAKIM pada produk makanan tanpa mendapat sijil halal yang sah daripada JHEAINS. Rampasan telah dilakukan dengan membabitkan 33 pekete mee dan dua gulung plastik pembungkusan berlogo halal. (Utusan Malaysia, 2022).

Tindakan kes tersebut merupakan kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Pensijilan dan Penandaan Halal) 2011). Perintah di bawah seksyen ini telah menyatakan secara khusus bahawa pihak berkuasa halal mewajibkan perintah ini yang boleh mengesahkan mana-mana makanan dan perkhidmatan halal adalah halal untuk menyeragamkan sijil halal. Individu yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 100 000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Sungguhpun begitu, penguatkuasaan Akta Perihal Halal dianggap sebagai sangat komprehensif kerana merangkumi aspek kualiti makanan, keselamatan dan sanitasi serta menyelesaikan banyak isu berkaitan definisi halal, pelabelan halal dan penandaan halal.


Kebersihan Premis

Selain daripada isu logo halal yang diperakui oleh jabatan agama Islam, isu kebersihan dalam pembuatan atau pengeluaran menjadi isu yang patut diambil berat bagi memastikan keselamatan pengguna. Isu asas dalam pembuatan dan pengeluaran halal ialah kebersihan yang mesti bebas daripada pencemaran, keselamatan dan kesihatan seperti yang ditakrifkan dalam syarak. Masyarakat Malaysia digemparkan dengan isu terbaharu Januari 2019 yang dilaporkan oleh *The Star* berita dalam talian mengenai kedai makan kotor di Shah Alam di Seksyen 13. Premis itu diarah tutup sementara kerana jentik-jentik nyamuk dan najis lipas ditemui di premis itu. Operasi bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Kementerian Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNHEP), Jabatan Imigresen dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi penguatkuasaan di kedai makan dengan melakukan pelbagai kesalahan. JAIS adalah sebahagian daripada wakil serbuan di kedai makan di Seksyen 13 Shah Alam (*The Star*, 2019).

Pemilik premis makanan telah diarah untuk membersihkan premis tersebut dan hendaklah berhenti dan tutup operasi selama 14 hari. Pemilik tersebut harus memastikan premis makanan mereka telah dibersihkan dengan baik dan mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebelum membuka semula operasi perniagaan mereka seperti sediakala. Kedai makan di Seksyen 13 tersebut mengandungi kira-kira sembilan premis telah dikenakan empat kompaun dan dua belas notis atas pelbagai kesalahan, kata Mohd Rashidi Ruslan selaku Timbalan Datuk Bandar Shah Alam. Pelbagai kesalahan itu termasuk kurang menjaga kebersihan, pengendali makanan tidak menerima suntikan anti-tifoid dan sisa makanan. Pihak

berkuasa telah membuat serbuan dan mengingatkan pemilik supaya menjaga kebersihan premis dan memastikan pekerja mereka menerima suntikan *typhoid*. Isu kebersihan adalah tertakluk kepada pencemaran dalam menghasilkan halal dan perlu memastikan amalan halal dapat dilaksanakan di dalam pengeluaran atau premis. Kesalahan isu ini adalah di bawah seksyen 34 dan 36 Peraturan Kebersihan Makanan 2009, mana-mana pengendali makanan yang gagal mematuhi boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun.

Dengan ini terdapat 3 akta halal yang utama yang dipilih oleh pengkaji iaitu Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Makanan 1983, dan Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Dalam mengawal aktiviti halal termasuk daripada mengawasi daripada bahan mentah sehingga rantaian bekalan makanan yang diawasi oleh penguatkuasa halal untuk memantau industri halal. Kewujudan undang-undang halal ini bertujuan bagi melindungi pengguna dan memastikan penguasaha untuk tidak melakukan sebarang aktiviti yang tidak beretika dan melakukan penipuan semasa menjalankan perniagaan bagi industri halal. Pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan halal bagi menangani isu halal adalah tertera seperti Rajah 1 di bawah:



Sumber: Penyelidik (2023)

Rajah 1: Undang-Undang berkaitan Halal

KESIMPULAN

Isu halal yang dipasarkan di Malaysia merupakan isu sensitif dikalangan masyarakat Islam. Perlembagaan Persekutuan telah menyebut dalam Perkara 3 bahawa undang-undang Islam mempunyai peruntukan yang komprehensif untuk perlindungan pengguna daripada sebarang penipuan. Terdapat banyak undang-undang untuk menangani isu halal. Setiap pihak berkuasa halal mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan memastikan undang-undang sedia ada dilaksanakan dengan betul. Undang-undang halal Malaysia sangat penting kerana bertindak sebagai garis panduan untuk panduan dan melindungi pengguna daripada sebarang aktiviti penipuan dan tidak beretika dalam pasaran halal. Isu halal perlu dipantau dari semasa ke semasa

bagi memastikan industri halal sentiasa berkembang maju bukan sahaja di Malaysia malah global. Walaupun undang-undang halal di Malaysia tidak menyeluruh dan diletakkan di bawah akta yang berbeza-beza tetapi peruntukan itu dilihat mencukupi.

Walaupun begitu, terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu diberi perhatian seperti meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing dan pengubalan akta halal dalam masa hadapan. Cadangan bagi masa akan datang berkaitan dengan kajian ini, penyelidik berharap untuk menerokai perundangan halal di luar negara dan integrasi bersama perundangan halal di Malaysia untuk menganalisa perbezaan dan cara pelaksanaan untuk memantau dan mengawal isu yang berkaitan dengan halal di pasaran. Isu halal dari semasa ke semasa perlu ditangani dengan baik demi memastikan industri halal mampu maju dan berkembang pesat di Malaysia. Penyelidik berharap kajian ini dapat memberikan maklumat berkenaan dengan pelaksanaan halal dan kesalahan di bawah halal yang berkaitan. Kajian ini juga mampu memberi kefahaman tentang undang-undang yang menjadi pelengkap dalam menyelesaikan isu halal yang berbangkit di pasaran halal termasuk isu persembahan halal, logo halal dan kebersihan premis.

PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Al Quran.
- Ab Halim, M. A., & Mohd M, M. S. (2020). Consumer rights in halal products: A study based on legal and syariah perspectives. *Food Research* 4(1), 281-290.
- Ahmad, A. N., Abidin, U. F. U. Z., Othman, M., & Rahman, R. A. (2018). Overview of the halal food control system in Malaysia. *Food Control*, 90, 352-363.
- Akta Makanan 1983.
- Akta Perihal Dagangan 2011.
- Asa, R. S. (2018). Effectiveness of the existing halal laws in Malaysia. *Jurnal Syariah*, 26(1), 141-166.
- Asa, R. S. (2019). An overview of the developments of halal certification laws in Malaysia, Singapore, Brunei and Indonesia. *Jurnal Syariah*, 27(1), 173-200.
- Damit, D. H. D. A., Harun, A., & Martin, D. (2017). Key challenges and issues consumer face in consuming halal product. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(11), 590-598.
- Halal, D. C. (2020). Pelan Induk Industri Halal 2030: Halal Development Corporation.
- Husna, A., Wong, M. S. M. A., & Osman, A. S. (2022). The enforcement of halal compliance by authorities in the halal industry. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(SI7), 543-548.
- Ismail, I., Nik Abdullah, N. A., Ahmad, Z., & Sidek, N. L. (2018). Halal principles and halal purchase intention among muslim consumers. In *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)* (pp. 131-138). Springer Singapore.

- JAKIM, (2023, June 21). Portal Rasmi Halal Malaysia. <https://www.halal.gov.my/v4/index.php?data=ZGlyZWN0b3J5L2luZGV4X2RpcmVjdG9yeTs7Ozs=>
- JAKIM. (2020). Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: JAKIM
- Mohd, A. G., & Siti, S. M. S. (2014). Amalan standard halal di negara-negara Asia Tenggara. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1(1), 35-44.
- News, S.T. (2019, Januari 8). Halal status of popular Shah Alam 'muslim' restaurant found to be bogus'. <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/01/448110/halal-status-popular-shah-alam-muslim-restaurant-found-be-bogus>
- Nurrachmi, R. (2017). Islamic Tourism: Factors that Influence Muslim Tourists and How to Promote Tourism in OIC Countries. *OIC*, 131.
- Nursyakirah, H., & Zaini, N. (2023). Penguatkuasaan undang-undang status halal premis makanan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2).
- Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- The, S., (2019, Januari 29). Dirty eatery in Shah Alam shut down. <https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2019/01/29/dirty-eatery-in-shah-alam-shut-down>
- Utusan, M., (2022, Februari 22). 'Premis guna logo halal tidak sah terbongkar'. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/premis-guna-logo-halal-tidak-sah-terbongkar/>
- Wong, M. S. M. A., & Halim, A. H. A. (2021). Konsep hisbah dalam penguatkuasaan pematuhan halal di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3), 129-140.